

Headline	TNB, IHI rintis projek pembakaran di 2 stesen jana kuasa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	23
ArticleSize	154 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,200		



**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) melaksanakan kajian bersama IHI Corporation (IHI) untuk merintis projek pembakaran bersama berskala kecil di dua stesen jana kuasa miliknya.

Projek rintis bersama syarikat dari Jepun itu akan membabitkan Stesen Jana-kuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS) di Manjung, Perak dan Stesen Janakuasa Tuan-ku Mukhriz (SJT), Port Di-

## TNB, IHI rintis projek pembakaran di 2 stesen jana kuasa

ckson, Negeri Sembilan. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Baharin Din berkata, IHI mempunyai pengalaman dan kepakaran luas dalam menukar pembakaran bahan api konvensional kepada neutral karbon termasuk biomas dan ammonia beberapa loji jana kuasa pelanggannya di Jepun, Malaysia dan Indonesia.

“Projek ini dijalankan oleh anak syarikat milik penuh TNB, TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) dan TNB Fuel Services Sdn Bhd (TNBF) yang berpengalaman dalam perolehan bahan api untuk stesen jana kuasa di Malaysia,” katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, kolaborasi bersama IHI menandakan

satu lagi pencapaian signifikan TNB dalam komitmen mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dan menggapai masa depan tenaga lestari, selaras dengan Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan matlamat Sifar Bersih TNB, menjelang 2050.

Baharin berkata, melalui TNB Genco, portfolio penjanaannya menyokong pe-

nuh usaha kerajaan dalam perjalanan peralihan tenaga dan nyahkarbon.

“Sebagai pembekal tenaga utama di Semenanjung Malaysia, TNB komited sepenuhnya untuk menyokong aspirasi Malaysia dalam dekarbonisasi dan kelestarian, ke arah negara neutral karbon 2050.

“Projek ini selaras dengan hasrat Malaysia un-

tuk menjadi pemimpin global dalam mengurangkan GHG,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Eksekutif, Presiden Bahagian Sumber, Tenaga, dan Alam Sekitar IHI Corporation, Koji Takeda berterima kasih kepada TNB Genco atas keyakinan terhadap kepakaran kumpulan berkenaan serta pengetahuan mereka mengenai teknologi neutral karbon melalui Kerjasama fasa Feed itu.